

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN SIVIL NO: _____ TAHUN 2019**

ANTARA

**MUHAMMAD RIFQI BIN RUDY SYAHRULNIZAM RAZALI
...PERAYU**

DAN

**HARTA PESAKA RAZARIO A/L
THREETHUVAM SAMIDASS, SIMATI ...RESPONDEN**

**(DALAM PERKARA DI MAHKAMAH TINGGI DI IPOH
DALAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN, MALAYSIA
RAYUAN SIVIL NO: AA-12B-18-08/2018)**

ANTARA

**MUHAMMAD RIFQI BIN RUDY SYAHRULNIZAM RAZALI
...PERAYU**

DAN

**HARTA PESAKA RAZARI A/L
THREETHUVAM SAMIDASS, SIMATI ...RESPONDEN**

**DALAM PERKARA MAHKAMAH SESYEN DI IPOH
DALAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN, MALAYSIA
SAMAN NO: AA53KJ-256-06/2017**

ANTARA

**MUHAMMAD RIFQI BIN RUDY SYAHRULNIZAM RAZALI
...PLAINTIFF**

DAN

**HARTA PESAKA RAZARIO A/L
THREETHUVAM SAMIDASS, SIMATI
...DEFENDAN**

PENGHAKIMAN

HASHIM BIN HAMZAH, HMT

Pengenalan

[1] Pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana mereka di Mahkamah Sesyen. Satu kemalangan jalanraya telah berlaku pada **27.11.2015** jam lebih kurang 5.00 petang di simpang empat lampu isyarat Jalan Tun Razak/Tun Perak melibatkan plaintif yang menunggang motosikal AEV 2458 dengan defendan yang memandu motokar PCN 2056. Akibat daripada kemalangan tersebut, defendan telah meninggal dunia pada **4.1.2016** iaitu 39 hari selepas kemalangan. Oleh itu tiada versi defendan dikemukakan sewaktu perbicaraan. Perbicaraan dijalankan di Mahkamah Sesyen Ipoh dan diakhir perbicaraan, Hakim Mahkamah Sesyen (**HMS**) telah membenarkan tuntutan Plaintif dengan kos atas kadar liabiliti 50% plaintif dan 50% defendan berserta gantirugi. Terkilan dengan keputusan ini, plaintif telah merayu ke Mahkamah Tinggi atas isu liabiliti dan kuantum.

Prinsip Undang-Undang

[2] Prinsip undang-undang berkaitan campurtangan rayuan oleh mahkamah yang mendengar rayuan telah banyak diputuskan dan

antaranya adalah kes **Sivalingam Periasamy v Periasamy & Anor** (1995) MLJ 395 dimana Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa,

“It is trite law that this court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluation of the evidence. But we are under a duty to intervene in a case where, as here, the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.”

[3] Di dalam kes **Rasidin Bin Partojo v Frederick Kiai** (1976) 2 MLJ 214, (1976) 1 LNS 123 Mahkamah Persekutuan dengan jelas menyatakan bahawa,

A Court of Appeal always starts with the working presumption that any decision appealed against is right in every respect. So to succeed in an appeal the appellant must convince us that the decision

appealed from is wrong. If we are not so convinced, the appeal fails.

Rayuan Plaintiff

[4] Rayuan yang dibangkitkan oleh Plaintiff adalah berkisar kepada isu berikut:

- (a) Liabiliti dimana HMS memutuskan plaintiff dan defendan masing-masing bertanggung sama rata iaitu 50-50.
- (b) Gantirugi am berkenaan kecederaan "*closed comminuted fracture distal third of left femur and posterior cruciate ligament*" dengan kecacatan dimana sejumlah RM40,000.00 diawadkan oleh HMS.
- (c) HMS tidak mengawadkan gantirugi am untuk "*osteoarthritis*".
- (d) HMS tidak mengawadkan sebarang gantirugi untuk kehilangan pendapatan masa hadapan; dan
- (e) HMS juga tidak mengawadkan gantirugi bagi kehilangan caruman KWSP masa hadapan pada kadar RM177.00 untuk tempoh 170 bulan.

Isu Liabiliti dimana HMS memutuskan Plaintiff dan Defendan masing-masing bertanggung sama rata iaitu 50-50.

[5] Dapatan HMS berkaitan isu liabiliti yang dirayu oleh Plaintiff adalah seperti berikut:

“Mahkamah ini mendapati keterangan plaintiff tidak disokong oleh mana-mana keterangan yang berkecuali. Justeru, oleh kerana kemalangan ini berlaku dipersimpangan empat lampu isyarat, mahkamah ini membenarkan tuntutan plaintiff atas dasar liabiliti 50% plaintiff dan 50% defendan.”

(ms 11 Rekod Rayuan Tambahan)

[6] Peguam plaintiff yang bijaksana berhujah bahawa HMS terkhilaf diatas dapatan tersebut kerana versi plaintiff disokong oleh keterangan berkecuali dari SP1 iaitu pegawai penyiasat di dalam kes ini. Hujah peguam plaintiff lagi, keterangan SP1 (di PSP-1 di ms 296-300 Rekod Rayuan Jilid 2) telah menyatakan bahawa semasa kemalangan, lampu isyarat di laluan plaintiff adalah berwarna hijau dan lampu isyarat di laluan defendan berwarna merah. Keterangan ini menurut peguam plaintiff tidak dicabar oleh peguam defendan secara spesifik. Peguam

plaintif telah merujuk kepada kes-kes **Kanan Subramaniam & Satu Lagi v Aman Syah** (2002) 6 CLJ 34 HC, **Joremi Kimin & Anor v Tan Sai Hong** (2001) 1 CLJ 526 MR dan **Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor** (1996) 4 CLJ 545 MR.

[7] Peguam defendan pula berhujah bahawa HMS telah mengambilkira keseluruhan fakta kes ini sepertimana terdapat di ms 8-13 Rekod Rayuan Tambahan berserta keterangan Pegawai Penyiasat SP1 dalam mencapai kesimpulan yang tepat dan betul dalam isu liabiliti ini.

Dapatan Mahkamah Ini Atas isu Liabiliti

[8] Penelitian saya kepada nota prosiding sememangnya peguam defendan tidak bertanya secara spesifik kepada SP1 iaitu pegawai penyiasat berkaitan lampu isyarat semasa kemalangan berlaku tetapi ia tidak menghalang mahkamah bicara untuk meneliti keseluruhan keterangan saksi-saksi samada rumusan siasatan pegawai penyiasat adalah bertepatan dengan keterangan yang dikemukakan di dalam mahkamah. Saya bersetuju bahawa pegawai penyiasat adalah saksi bebas di dalam kes ini. Siasatan SP1 hanya bersandarkan kepada pihak terlibat didalam kemalangan ini dengan laporan polis yang dibuat

masing-masing dan juga saksi bebas (yang butiran peribadi tidak diambil). Pihak plaintif bersandarkan kepada keterangan pegawai penyiasat ini dalam menyokong kesnya tetapi saya bersetuju dengan penghakiman oleh HMS bahawa siasatan yang dijalankan oleh SP1 adalah tidak lengkap kerana kemalangan ini melibatkan bukan hanya motokar yang dipandu oleh defendan dan motosikal yang ditunggangi oleh plaintif tetapi juga melibatkan dua buah motokar lain iaitu BKF 2382 dan AHU 2172.

[9] Perlu diteliti bahawa siasatan oleh SP1 hanya bertumpu kepada laporan polis oleh plaintif serta dua pemandu kenderaan yang lain tetapi versi defendan tidak dapat di siasat disebabkan defendan telah meninggal dunia akibat daripada kemalangan ini. Defendan telah meninggal dunia 39 hari selepas kemalangan tetapi tiada usaha oleh pihak SP1 untuk merakamkan percakapan defendan walaupun pada 27.11.2015, SP1 menyatakan bahawa defendan semasa berada dihospital tidak dapat dirakamkan percakapannya disebabkan masih lagi tidak sedarkan diri. Tetapi tiada apa-apa keterangan daripada SP1 apa yang terjadi pada defendan selepas itu hingga kematiannya. Adakah terdapat usaha untuk mendapatkan keterangan defendan untuk melengkapkan siasatannya dan bukan sekadar mengeluarkan saman terhadap responden dengan siasatan sebelah pihak.

[10] HMS juga dalam mencapai keputusannya telah meneliti keterangan bisu termasuk gambar dan juga kerosakan pada kenderaan. Jika diteliti pada gambar-gambar motosikal plaintif (ms 94-96 RR Jilid 2) adalah didapati bahawa motosikal yang ditunggangi oleh plaintif mengalami kerosakan yang teruk terutama di bahagian hadapan yang mengakibatkan motosikal plaintif diklasifikasikan sebagai ***total loss***. Rajah kasar (ms 90 RR Jilid 1) tidak menunjukkan ukuran kedudukan kenderaan yang terlibat tetapi hanya membuat ukuran laluan A ke A1, A1 ke A2 dan A2 ke A3 iaitu jalan dilalui Plaintif. Jika dilihat kepada gambar, adalah jelas menunjukkan bahawa simpang empat ini bukannya simpang empat yang luas. Jelas kenderaan dipandu defendan selepas kemalangan berada pada kedudukan B dalam rajah kasar iaitu berhampiran dengan mulut simpang laluan plaintif dan motosikal plaintif pula berada ditanda E. Jika diteliti kedudukan motokar dipandu defendan dan juga kesan kerosakan pada motosikal plaintif yang akhirnya di klasifikasi oleh syarikat insuran sebagai total loss serta keluasan simpang empat tersebut, ia menunjukkan plaintif menunggang motosikalnya dalam keadaan memecut dengan kelajuan yang tinggi. Tetapi penelitian saya mendapati bahawa SP1 gagal mengambil ukuran berkaitan jarak kedudukan kenderaan ini selepas kemalangan. Contohnya (bukan untuk kes ini) jarak kesan brek atas jalan boleh

menunjukkan kelajuan kenderaan yang terlibat sebelum kemalangan berlaku. Dalam hal yang sedemikian saya bersetuju dengan penghakiman HMS yang menyatakan bahawa siasatan oleh SP1 adalah tidak lengkap dan justeru itu sayamengekalkan keputusan HMS di mahkamah bicara berkaitan isu liabiliti.

Isu Kuantum

[11] Dalam memutuskan isu kuantum yang dirayu oleh pihak plaintif, saya berpandukan kepada prinsip kes yang diputuskan oleh dua kes dibawah. Kes pertama adalah kes **Tan Kuan Yau v Suhindrimani** (1985) 2 MLJ 22 SC, telah digariskan prinsip bahawa:

“The principle that could guide this court in determining whether it should interfere with the quantum of damages is crystal clear. What is also clear is that much depends on the circumstances of each case, in particular the amount of the award. In a particular case therefore it is for the appeal court to consider whether in the light of the circumstances of that case there is an erroneous estimate of the amount of the damage in that, either there was an

omission on the part of the Judge to consider some relevant materials, or he had admitted for purposes of assessment some irrelevant considerations. If the court is satisfied or convinced that the Judge has acted upon wrong principles of law then it is justified in reversing; indeed, it is its duty to reverse the finding of the trial Judge.”

[12] Kes kedua adalah kes **Topaiwah v Salleh** [1968] 1 MLJ 284, 285
Mahkamah Persekutuan juga menyatakan seperti berikut:

“... So far as this court is concerned we should, to paraphrase Greer L.J. in *Flint v. Lovell* be disinclined to reverse the finding of a trial judge as to the amount of damages merely because we think that if we had tried the case in the first instance we would have given a lesser sum. To justify reversing him, we should be convinced that he acted upon some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damage. The assessments which the courts have made over the

years form some guide to the kind of figure which is proper and which the appellate court will follow in the light of the special facts of each particular case."

Gantirugi am berkenaan kecederaan "closed comminuted fracture distal third of left femur and posterior cruciate ligament" dengan kecacatan.

[13] Berkaitan dengan kecederaan ini iaitu "*closed comminuted fracture distal third of left femur and posterior cruciate ligament*" peguam plaintif telah berhujah bahawa plaintif mengalami kecacatan kekal dan kependekan 1 cm dan terdapatnya "*posterior cruciate instability*". Peguam plaintif juga berhujah bahawa pakar defendan yang telah memeriksa plaintif pada **7.9.2017** (ms 285-291 RR Jilid 2) tidak memberikan gambaran sebenar kerana di ms 288 RR Jilid 2 menyatakan bahawa "Both the lower limb were equal length" tetapi di ms 290 RR Jilid 2 pula menyatakan bahawa terdapat kependekan sebanyak 0.73cm. Plaintif kemudiannya telah dirujuk kepada doktor pakar plaintif untuk penilaian semula pada **20.12.2017** dan disahkan bahawa kecacatan kekal adalah "*posterior cruciate ligament instability*" dan terdapatnya "union" dibahagian kepatahan femur. Berdasarkan kecederaan yang dihadapi plaintif ini, peguam plaintif berhujah bahawa

awad yang diberikan oleh HMS sejumlah RM40,000.00 adalah rendah dan awad sepatutnya adalah RM70,000.00 berdasarkan kes yang dirujuk dibawah.

| Bil | Nama Kes | Kecederaan | Jumlah Diawadkan |
|-----|---|--|------------------|
| 1 | Mohd Nizam Bin A Rahman v A Hamid Bin A Kamar (2016) 2 PIR 493. | “:Gustilo II open comminuted fracture distal third of the left femur.” Tiada kependekan tetapi terdapat “lengthening of the femur” sebanyak 1.24mm | RM50,000.00 |
| 2 | Saiful Nizam Bin Hassan v Thanarajan a/l Velu (2017) 1 PIR 20. | “Closed segmental fracture of the left femur with 1 cm shortening.” | RM50,000.00 |
| 3 | Wan Darulsalam Bin Wan Aziz & 2 ors v Mohd Nazir Bin Bakar & Anor (2017) 1 PIR 94 | “Closed fracture of the right femur” | RM50,000.00 |
| 4 | Vijayakumaran a/l Moorthy v Mohd Zin Bin Uzir & Anor (2017) 1 PIR [67] | “posterior cruciate ligament avulsion injury of the right knee” | RM15,000.00 |
| 5 | Puvendran a/l Rajamanickam v Muhammad Ammar Bin Adenan & 2 Ors (2017) 1 PIR [55] | “posterior cruciate ligament laxity of the right knee” | RM25,000.00 |

[14] Peguam defendan pula memohon mahkamah ini untuk membaca lapuran tersebut secara keseluruhan. Peguam defendan telah merujuk

kepada Revised Compendium Of Personal Injury Awards sebagai panduan dan berhujah RM27,000.00 adalah gantirugi sewajarnya.

[15] Jika diteliti laporan pakar defendan, apa yang dinyatakan oleh doktor pakar plaintif adalah bahawa “ *The length of the lower limbs from the anterior superior iliac spine to the tip of the medial malleolus was 94 centimeters on the right while on the left it was 94 centimeters. Both the lower limbs were of equal length*”. Di bahagian tajuk *LOWER LIMB LENGTH MEASUREMENTS* pula telah dicatatkan bahawa “Right femoral length – 49.98 cm dan Left femoral length – 49.25 cm. Perbezaan kedua-dua ini adalah 0.73 cm. Perbezaan ini juga dapat dilihat dalam laporan *Diagnostic Imaging Report*” di ms 290 RR Jilid 2 yang jelas mencatatkan “*Left femoral shortening by 0.73cm is noted*”. Oleh itu pada pendapat mahkamah ini, tiada percanggahandalam laporan pakar defendan. Saya juga mendapati bahawa HMS didalam penghakimannya telah menyatakan bahawa dia telah merujuk kepada otoriti-otoriti dan kompendium serta mengambilkira peningkatan kos sara hidup masa kini. Tugas mahkamah yang mendengar rayuan ini adalah untuk meneliti samada dalam mencapai keputusan tersebut ia telah dibuat dengan merujuk kepada prinsip yang salah ataupun awad yang diberikan adalah terlalu tinggi atau terlalu rendah ataupun mengambilkira perkara yang tidak berkaitan. Jika diteliti kes-kes yang

dirujuk oleh peguam plaintif sendiri, ia adalah disekitar RM15,000.00 ke RM50,000.00 dengan mengambilkira kecacatan kekal. Doktor pakar defendan yang mana laporannya dipersetujui oleh peguam plaintif juga menyatakan seperti berikut:

“The fracture in the left femur has united. He had 15 degrees limitation of full flexion movement in the left knee joint. Physiotherapy exercises will help him to regain the movement in his left knee. He had no ligamentous instability in his left knee joint. The power of the muscles in the left lower limb was normal.”

(ms 289 RR Jilid

2)

Oleh yang demikian awad sejumlah RM40,000.00 yang diberi oleh HMS tiada kekhilafannya dan mahkamah ini mengekalkan keputusan tersebut.

“Osteoarthritis”

[16] Peguam plaintif berhujah bahawa HMS tersilap dalam tidak membenarkan awad bagi “future Osteoarthritis” akibat daripada

kecederaan “*posterior cruciate ligament instability*” yang dialami oleh plaintif dikaki kirinya. Peguam plaintif telah merujuk kepada kes **Inas Faiqah Binti Mohd Helmi v Kerajaan Malaysia & 2 Ors** (2016) 1 PIR 16, FC yang menyatakan bahawa:

“we are of the view that the standard of proof with regard to the assessment of future loss or damage is on the balance of probabilities, but with a lower degree of certainty as to the occurrence of such loss or damage in the future.”

Peguam plaintif merujuk kepada laporan pakar plaintif dimana dinyatakan bahawa “*The left knee is at risk of developing osteoarthritis as a long term complication*” (Rujuk ms 244 RR Jilid 2). Laporan pakar defendan semasa penilaian kali kedua telah meneliti semula kecederaan plaintif pada 18.1.2018 dan menyatakan bahawa “*he had slight posterior ligamentous instability in his left knee*” dan oleh yang demikian, hujah peguam plaintif lagi, awad untuk Osteoarthritis di masa hadapan perlu diawadkan oleh mahkamah. Saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa semasa kemalangan plaintif berusia 21 tahun dan masih muda malah jika di teliti kecederaan yang dialami oleh plaintif sejak kemalangan hinggalah plaintif dirujuk ke pakar defendan pada

18.1.2018, kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah semakin pulih. Oleh itu pada pandangan mahkamah ini, pihak plaintif gagal dalam melepaskan beban seperti mana dinyatakan didalam kes Inas Faiqah tersebut malah kecacatan tersebut adalah terlalu remote. Oleh itu keputusan HMS tiak membenarkan kecatan ini adalah dikekalkan.

Gantirugi untuk kehilangan pendapatan masa hadapan dan gantirugi bagi kehilangan caruman KWSP masa hadapan.

[17] Kedua-dua isu ini akan dibincangkan bersekali. Walaupun HMS telah gagal menyatakan alasannya tetapi tidak menghalang saya dalam meneliti keterangan yang ada didalam RR ini. Peguam plaintif didalam hujahnya menyatakan bahawa HMS terkhilaf dalam tidak membenarkan tuntutan plaintif atas kehilangan pendapatan masa hadapan dan juga kehilangan caruman KWSP masa hadapan.

[18] Adalah prinsip undang-undang yang mampan bahawa pihak-pihak adalah terikat dengan pliding masing-masing. Didalam kes ini tuntutan plaintf berdasarkan Pindaan Pernyataan Tuntutan (di ms 26-31 RR Jilid 1) yang memplidkan seperti berikut:

“4. Plaintiff semasa kemalangan berusia 21 tahun dan dalam keadaan sihat dan bekerja sebagai tukang masak di The Perak Community Specialist Hospital dan memperolehi pendapatan serta elaun sebanyak RM1,350.00 sebulan. Akibat daripada kecederaan yang tersebut diatas Plaintiff telah mengalami kehilangan pendapatan serta keupayaan untuk mencari rezeki telah berkurangan kerana telahpun ditukar menjadi juruwang dan bekerja café yang merupakan kerja ringan”

Berdasarkan apa yang dituntut plaintiff, ia hanya menjurus kepada kehilangan pendapatan serta keupayaan (iaitu loss of earning capacity sahaja) dan bukannya kehilangan pendapatan masa hadapan. Oleh yang demikian atas dasar ini sahaja tuntutan plaintiff atas kehilangan pendapatan masa hadapan hendaklah ditolak. Lanjutan daripada itu tidak timbul soal gantirugi untuk caruman KWSP dimasa hadapan. Oleh yang demikian keputusan HMS dalam tidak memberikan awad untuk gantirugi ini adalah bertepatan.

Kesimpulan

[19] Berdasarkan apa yang telah saya jelaskan diatas, saya bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh HMS dan oleh yang demikian rayuan plaintif adalah ditolak dengan kos RM2000.00 tertaklok kepada alokatur.

Tarikh: 09.12.2019

(HASHIM BIN HAMZAH)
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
IPOH, PERAK

Peguamcara:

Puan Shabnam Haseena Mohd Hanif bagi pihak Perayu/Plaintiff.
Tetuan S.V. Namasoo & Company
Peguamcara dan Peguambela
No. 18, Jalan Sultan Idris Shah
30000 Ipoh Perak
(Ruj: SVN/P 1967 vn)
Tel: 05.2543345
Faks: 05.2552993

Encik Thanesmohan a/l Rajamohan bagi pihak Respondent/Defendant
Tetuan Khoo & Sidhu
Peguamcara dan Peguambela
Unit B—10, 9th Floor,
Block B, Megan Avenue 11
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
(Ruj: AK/EKIN/5253917)
Tel: 03.21668221
Faks: 03.21660221